

23/09/1997

Kit Homes bina 4,100 unit rumah di Mauritius

M Thillinadan

KIT Homes Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh pemaju hartanah, Country Heights Bhd, menyiapkan 4,100 unit rumah kos rendah di Mauritius dalam tempoh lima tahun lalu.

Pembinaan rumah kos rendah di Mauritius adalah projek kerjasama kerajaan Malaysia dan Mauritius dalam usaha membantu pulau di Lautan Hindi itu menyelesaikan masalah perumahannya.

Keseluruhan 4,100 unit rumah kos rendah itu dibina melalui dua projek berasingan. Projek pertama membabitkan 2,000 unit di kawasan Lamp Le Vieux (1008 unit) dan La Tour Koenig (992 unit) sudah habis dijual.

Pengarah projek Kit Homes di Mauritius, Richard Khoo, berkata projek kedua membabitkan 2,100 unit lagi juga siap baru-baru ini dan diserahkan kepada Perbadanan Pembangunan Perumahan Kebangsaan.

Menurutnya, semua rumah yang dibina diserahkan kepada agensi kerajaan itu yang bertanggungjawab untuk mengagihkannya kepada pembeli mengikut syarat yang ditetapkan.

"Kedua-dua projek itu dijalankan berdasarkan kerjasama kerajaan kedua-dua kerajaan berikutan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Mauritius pada 1988."

"Mengikut perjanjian di antara kedua kerajaan, tanah bagi semua projek itu disediakan oleh kerajaan Mauritius, manakala kerajaan Malaysia memberi pinjaman kewangan bagi projek berkenaan," katanya ketika ditemui di Le Mournie, Mauritius, baru-baru ini.

Menurutnya, kedua-dua projek itu membabitkan pelaburan kira-kira RM164 juta dan Kit Homes sedang mengadakan rundingan dengan kerajaan Mauritius untuk membina lebih banyak projek perumahan di negara itu melalui konsep yang sama.

Kit Holmes membelanjakan kira-kira RM32,000 untuk membina setiap rumah, manakala harga jualan ditentukan oleh Perbadanan Pembangunan Perumahan Kebangsaan. Dianggarkan setiap unit itu dijual pada harga di antara RM30,000 hingga RM42,500.

Menurutnya, setakat ini, hanya Malaysia dijemput menyertai sektor hartanah di Mauritius kerana hubungan akrab kedua-dua kerajaan dan rekod baik syarikat Malaysia di negara itu.

"Sebagai contoh, kontrak bagi menyiapkan projek kedua ialah 24 bulan, tetapi Kit Homes dapat menyiapkan enam bulan lebih awal."

"Kos rumah murah di sini mahal kerana hampir semua bahan binaan dan buruh terpaksa diimport dari luar negara. Projek seumpama ini baik untuk industri binaan Malaysia kerana bahannya dapat dieksport ke negara seperti Mauritius," katanya.

(END)